

### **Gastrophrynoides immaculatus**

Famili : Microhylidae  
Genus : *Gastrophrynoides*  
Spesies : *Gastrophrynoides immaculatus*

*Gastrophrynoides immaculatus* mempunyai mata muncung yang panjang dan runcing iaitu 2.6-3.0 kali panjang diameter; kulit bahagian dorsal dan ventral yang licin tanpa corak; mempunyai satu tuberkel metakarpa yang besar dan berbentuk oval; dorsal berwarna kelabu coklat sekata. Kepala lebih lebar sedikit daripada panjang (HW/HL 1.06); berbentuk seperti tiga segi daripada profil dorsal. Tangan sederhana pendek, hujung jari membentuk cakera yang kecil dan bulat dan mempunyai lekuk 'circum-marginal'. Jejari tiada kulit renang. Kaki belakang sederhana panjang. Ukuran maksimum betina ialah 29.3 mm panjang muncung hingga anus. Spesies ini hanya dijumpai di Gunung Besar Hantu, Negeri Sembilan di altitud 800-1400 m. Penemuan spesies ini telah dicatatkan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Besar Hantu, Negeri Sembilan pada tahun 2010.



Famili : Microhylidae  
Genus : *Gastrophrynoides*  
Species : *Gastrophrynoides immaculatus*